

UNTUK SIARAN SEGERA

Majlis Pecah Tanah Pembinaan 'E-Metro Logistics Park' Hasil Usaha Sama Sime Darby Property dan LOGOS Property di Bandar Bukit Raja

- *E-Metro Logistics Park* adalah pembangunan perindustrian pertama di bawah Dana Pembangunan Industri patuh Syariah oleh SDPLOG;
- Pembangunan logistik pegangan bebas seluas 177 ekar ini akan menawarkan Kawasan Boleh Disewa Kasar (*Gross Lettable Area*) seluas 8 juta kaki persegi yang menyediakan penyelesaian logistik yang mampan, berskala besar, dan bersepadu;
- Menteri Besar Selangor, YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari merasmikan majlis pecah tanah di Bandar Bukit Raja hari ini.

KLANG / SINGAPURA / SYDNEY, 8 JULAI 2022 – Sime Darby Property Berhad ("Sime Darby Property") dan LOGOS SE Asia Pte. Ltd. ("LOGOS Property") melalui usaha sama mereka ("SDPLOG") hari ini telah menandakan satu detik pencapaian yang penting dengan permulaan kerja-kerja asas aset sulungnya, *E-Metro Logistics Park*. Majlis pecah tanah *E-Metro Logistics Park* di Bandar Bukit Raja di Klang, Selangor telah disempurnakan oleh Menteri Besar Selangor, YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari.

E-Metro Logistics Park adalah Pembangunan Perindustrian & Logistik pertama di bawah Dana Pembangunan Perindustrian ("Dana") sulung SDPLOG yang baru-baru ini telah mengumumkan komitmen modal sebanyak 70% yang diperolehi pada Penutupan Pertama (*First Close*) untuk saiz dana sehingga AS\$250 juta. Dana patuh Syariah tersebut akan dipacu oleh Permodalan Nasional Berhad dan dana-dana unit amanah di bawah pengurusannya ("PNB") serta Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) ("KWAP"), dengan Sime Darby Property dan LOGOS Property sebagai penaja dan pelabur bersama dalam Dana.

E-Metro Logistics Park sedang dibangunkan dalam perbandaran Sime Darby Property di Bandar Bukit Raja, dan adalah sebuah pembangunan logistik pegangan bebas berkeluasan 177 ekar yang akan menjadi sebuah taman logistik yang mampan, berskala besar dan bersepadu berjumlah 8 juta kaki persegi Kawasan Boleh Disewa Kasar ("GLA") apabila siap sepenuhnya. Taman logistik ini akan merangkumi penyelesaian terbina-untuk-spesifikasi (*built-to-specification*) dan sedia-bina (*ready-built*) untuk memberi pelanggan penyewa dengan fleksibiliti untuk mengembangkan perniagaan mereka dengan mengguna pakai dan memperluas reka bentuk susun atur mengikut keperluan komersial mereka, termasuklah peningkatan yang diperlukan untuk automasi gudang.

Pembangunan ini akan memanfaatkan perkongsian strategik dan kepakaran hartanah Sime Darby Property dan LOGOS Property, serta memenuhi standard pensijilan *Gold LEED* selaras dengan komitmen SDPLOG untuk semua pembangunannya.

Menteri Besar Selangor YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari dalam ucapan perasmiannya berkata, "Lokasi strategik *E-Metro Logistics Park* dan ketersambungannya dengan lebuh raya utama, pelabuhan dan lapangan terbang di samping kemudahan-kemudahan logistiknya yang menarik, menjadikan ianya sesuai sebagai hab rangkaian bekalan serantau. Saya turut gembira untuk mengambil maklum bahawa pembangunan ini akan menyokong matlamat kami untuk meningkatkan sektor yang didorong oleh perindustrian bagi Selangor serta mengukuhkan kedudukan Pelabuhan Klang sebagai pusat maritim dan hab logistik bukan sahaja di Malaysia, tetapi juga di Asia Tenggara."

Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Property, Dato' Azmir Merican berkata, "Kami mengaktifkan bank tanah (*land bank*) kami di lokasi-lokasi strategik untuk memperoleh lebih banyak nilai untuk jangka panjang dan memajukan penawaran Pembangunan Perindustrian & Logistik syarikat. Bersama-sama dengan LOGOS Property, kami membangunkan aset hartanah logistik berkualiti tinggi dan mampan yang bakal memberikan penyelesaian bersepadu dengan kemudahan bertaraf global untuk pihak berkepentingan dan pelabur kami. *E-Metro Logistics Park* akan mendapat manfaat daripada permintaan tinggi untuk penyelesaian logistik dan pergudangan di Lembah Klang, berikutan aliran perdagangan global dan pembangunan rangkaian bekalan selain peralihan keutamaan pengguna untuk barangan yang dipesan lebih awal dan dibuat khas untuk keperluan mereka."

Ketua LOGOS Malaysia, David Aboud menambah: "Kami memulakan pembangunan strategik ini untuk SDPLOG serta rakan-rakan modal kami, dan kami juga berbesar hati dapat bekerjasama dengan perniagaan-perniagaan tempatan untuk membina *E-Metro Logistics Park*. Baru-baru ini, kami telah menganugerahkan kontrak pembinaan induk pertama kepada kontraktor tempatan, dan pasukan reka bentuk untuk fasa seterusnya merangkumi sebuah firma seni bina tempatan yang terkenal. Ini menunjukkan bakat berdaya saing global di dalam sektor pembinaan Malaysia, disokong dengan kepakaran tempatan dan serantau hasil rangkaian SDPLOG, yang akan menyaksikan kami menyampaikan penyelesaian logistik yang moden dan terkini untuk pasaran Malaysia."

Reka bentuk dan perancangan untuk dua kemudahan pertama di *E-Metro Logistics Park* iaitu *Metrohubs 1* dan *2* dengan GLA sebanyak ~1.2 juta kaki persegi dan ~800,000 kaki persegi masing-masing sudah dimulakan dengan fasa pertama dijangka siap untuk pembeli yang telah dikenal pasti

pada bulan Jun 2023. *E-Metro Logistics Park* mudah diakses melalui lebuhraya utama seperti Lebuhraya Lembah Klang Baru ("NKVE"), Lebuhraya Persekutuan, New North Klang Straits Bypass ("SHAPADU") dan Lebuhraya Pantai Barat ("WCE") yang baru dibuka. Semua lebuhraya ini menghubungkan taman logistik tersebut dengan hab-hab utama seperti Pelabuhan Klang dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur serta dengan taman-taman perindustrian Sime Darby Property yang lain di City of Elmina, Serenia City dan Hamilton Nilai City, antara lain.

-TAMAT SIARAN-

Mengenai SDPLOG

Pada 29 September 2021, Sime Darby Property Berhad ("Sime Darby Property") dan LOGOS SE Asia Pte. Ltd. ("LOGOS Property") memeterai perjanjian pemegang saham untuk membentuk usaha sama ("SDPLOG") bagi mewujudkan platform yang memberi tumpuan kepada pembangunan dan pelaburan dalam aset terutamanya dalam sektor Perindustrian & Logistik.

Sime Darby Property memegang 51% ekuiti SDPLOG dan merupakan pemaju hartanah tersenarai awam pertama di Malaysia yang menceburi bidang penciptaan dana pembangunan dalam sektor Perindustrian & Logistik. Baki 49% ekuiti SDPLOG dipegang oleh LOGOS Property.

SDPLOG memanfaatkan sinergi antara kedua-dua entiti - kehadiran dan rekod prestasi Sime Darby Property dalam pasaran hartanah Malaysia bersama-sama dengan simpanan tanahnya yang luas dan strategik, serta pengalaman LOGOS Property dalam pengurusan dana dan membangunkan penyelesaian hartanah dalam sektor logistik di seluruh rantau ini. **Untuk maklumat lanjut, lawati www.sdplog.com.**

Penafian: Siaran akhbar ini tidak dan tidak akan menjadi tawaran, jemputan, promosi atau permintaan untuk melabur atau melanggan kepentingan dalam Dana dalam mana-mana bidang kuasa.